



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara  
Bangunan Menara Usahawan  
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

---

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI KELULUSAN PERMOHONAN  
MEMO PERIKSA KELUAR/CHECK OUT MEMO (COM)  
OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

**Putrajaya, 3 Januari 2025** — Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berhubung kelulusan Permohonan Memo Periksa Keluar / *Check Out Memo* (COM) tanpa pengetahuan ataupun kehadiran mana-mana Pengarah Syarikat terbabit sehingga membatalkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja di syarikat tersebut. Siasatan ini dijalankan berdasarkan aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

**HASIL SIASATAN**

Siasatan mendapati bahawa:

- (a) Pegawai Imigresen yang terlibat telah cuai dan tidak bertanggungjawab apabila gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digunapakai oleh JIM bagi kelulusan permohonan COM tersebut;
- (b) Permohonan COM tersebut telah diluluskan berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pihak ketiga. Hasil siasatan juga menunjukkan terdapat pemalsuan dokumen berhubung permohonan COM tersebut; dan
- (c) Pegawai Imigresen terlibat juga cuai kerana menghilangkan dokumen asal permohonan COM tersebut.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor hukuman terhadap Pegawai Imigresen yang terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) JIM. Cadangan penambahbaikan Sistem myIMMs juga telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah JIM.

EAIC juga mengesyorkan agar Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membuka satu kertas siasatan bagi membolehkan penyiasatan dijalankan bersabit dengan laporan polis yang dibuat oleh Pengadu EAIC sebelum ini.

**Dikeluarkan oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)